



Hab sepadu LRT, MRT

>>Oleh Rosyahaida Abdullah
rosyahaida@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Selepas lebih setahun Hentian Bas Pasarama Kota atau dulunya sinonim dengan gelaran Bus Stand Klang ditutup, ia kini dibuka semula dan diberi nafas baru menerusi nama Hentian Akhir Bandar (Hab) Pasar Seni yang dirasmikan semalam.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, kerajaan meletakkan komitmen tinggi dalam meningkatkan mutu pengangkutan awam dan Hab Pasar Seni yang turut diintegrasikan dengan perkhidmatan rel bagi Stesen LRT Pasar Seni bersebelahannya dilihat akan merangsang pengguna menggunakan bas henti-henti untuk ke ibu kota.

Menurut beliau, sebagai sebahagian daripada projek Bidang Keberhasilan Utama Negara Pengangkutan Awam Bandar (NKRA-UPT), beliau yakin Hab berkenaan berupaya menyumbang ke arah perjalanan lalu lintas yang lebih lancar apabila semakin ramai rakyat menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama untuk bergerak berbanding kenderaan sendiri.

“Pembinaan Hab ini akan turut disepadukan dengan perkhidmatan MRT melalui Stesen MRT Pasar Seni yang juga bakal dibina di sini, sekali gus menjadikan kawasan ini sebagai Hab pengangkutan awam utama di tengah ibu kota pada masa akan datang.

“Selain Hab Pasar Seni, empat lagi Hab seumpama ini akan dibina di kawasan berbeza di Lembah Klang bagi mengawal jumlah bas yang masuk ke ibu kota khususnya bas ekspres dari pelbagai arah seperti utara, selatan dan pantai timur,” katanya pada sidang media selepas perasmian

Hentian ganti Bus Stand Klang dibuka kepada umum

FOTO | Saifullizan Tamadi



TERSUSUN...wajah baru Hab Pasar Seni yang dulunya dikenali sebagai Bus Stand Klang.



TINJAU...Raja Nong Chik (dua dari kiri) dan Kong meneliti kemudahan Hab Pasar Seni.

Hab terbabit.

Hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan

Bandar, Datuk Adnan Md Ikhsan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Phesal Talib dan Pengerah Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Datuk Ahmad Suhaili Idrus.

Dalam pada itu, Raja Nong

Chik berkata, pembinaan Hab dianggap tepat pada masanya, malah selaras hasrat kerajaan menerusi program NKRA untuk meningkatkan tahap penggunaan pengangkutan awam kepada 25 peratus.